

Jaminan PM

Anwar menyifatkan tuduhan itu adalah satu fitnah dan konspirasi untuk menjejaskan karier politiknya. Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga mendakwa beliau mendapat ancaman bunuh.

Abdullah berkata, jaminan keselamatan yang diberikan kerajaan kepada Anwar dan pihak yang mengadu bukan bermakna kerajaan cuba mencampuri urusan siasatan kes itu kerana ia akan dijalankan oleh pihak polis dengan penuh tanggungjawab dan mengikut undang-undang.

Mengenai dakwaan pemimpin PKR bahawa mereka mendapat maklumat daripada risikan negara jiran yang memberi amaran kononnya ada ancaman bunuh terhadap Anwar, Abdullah berkata, jika benar, mereka sepatutnya membuat laporan polis.

"Kalau mereka ada apa-apa (maklumat) berhubung kait dengan keselamatan atau

apa yang disebut ancaman terhadap Anwar, mereka perlu membuat laporan yang betul kepada polis.

"Jangan buat andaian dan cakap-cakap, ini yang tidak baik. Dalam kes seperti ini, jangan ada pihak yang buat andaian, spekulasi dan lempar tuduhan pada mana-mana pihak.

"Biarlah siasatan kes ini dijalankan dengan baik, profesional dan adil," ujarnya.

Ditanya sama ada beliau melihat dakwaan liwat tersebut merupakan satu konspirasi untuk menjatuhkan Anwar, Abdullah memberitahu:

"Kerajaan tidak akan buat apa-apa yang berupa penganiayaan dan tidak akan membuat apa-apa tuduhan tidak berasas terhadap

mana-mana pihak.

"Jadi jika ada yang mengatakan kerajaan mengulangi apa yang dianggap sebagai konspirasi, maka itu tidak betul."

Menjawab soalan mengenai kemungkinan ada pihak cuba mempolitikkan isu itu dengan menyebarkan cerita Anwar kini menghadapi ancaman bunuh, Perdana Menteri berkata, ia bukanlah sesuatu yang mustahil.

"Serba kemungkinan boleh berlaku. Kalau tidak ada bukti dan fakta, tentulah ia boleh dianggap sebagai satu cubaan untuk mempolitikkan isu," ujarnya.

Mengenai laporan polis yang dibuat di Shah Alam hari ini oleh Anwar terhadap Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail

dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan yang didakwa terlibat dalam konspirasi menjatuhkannya pada tahun 1998, Perdana Menteri berkata, pihak polis akan memperhalusi laporan itu.

"Apabila pihak polis menerima laporan berhubung apa juga perkara, adalah menjadi tanggungjawab polis untuk membuat siasatan," katanya.

Ditanya mengenai bentuk penglibatan Gani dan Musa dalam siasatan dakwaan liwat terbaru membabitkan Anwar, Perdana Menteri berkata, kedua-dua mereka adalah profesional dan masing-masing mempunyai tugas serta tanggungjawab.

"Mereka mesti tahu menjalankan tugas dengan betul dan mengikut undang-undang serta tidak membiarkan perkara yang melanggar undang-undang berlaku," jelasnya.

DATE: 2/7/2008

Selepas Wan Azizah bertemu Abdullah berhubung kes Anwar

Jaminan PM

Oleh NIZAM HAMID
dan HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 1 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memberi jaminan kerajaan akan memastikan siasatan kes liwat membabitkan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim dijalankan dengan adil dan tidak menganiaya mana-mana pihak.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi matlamat dan amalan di negara ini bahawa setiap siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa dilakukan dengan baik dan saksama.

Abdullah menegaskan, kerajaan akan memastikan keselamatan mereka yang terlibat dalam kes itu iaitu Anwar dan pihak yang membuat aduan.

- Syed Hamid: Jangan takut jika tidak bersalah
- Keluarga Saiful dapatkan khidmat peguam

- Muka 3

"Insha-Allah dia (Anwar dan pengadu) akan selamat dan tidak akan dizalimi," katanya kepada pemberita selepas bertemu dengan isteri Anwar, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang juga Presiden PKR di bangunan Parlimen di sini.

Menurut Abdullah, Wan Azizah menemui beliau di Pejabat Perdana Menteri di Parlimen pada pukul 5 petang untuk meminta jaminan keselamatan terhadap Anwar.

Dalam pertemuan selama 20 minit itu, Ahli Parlimen Permatang Pauh itu yang ditemani anaknya, Nurul Izzah, berharap suaminya, yang kini sekali lagi menghadapi dakwaan meliwat, tidak akan dizalimi apabila siasatan dijalankan.

Seorang pembantu Anwar, Mohd. Saiful Bukhari Azlan, 23, pada Sabtu lalu membuat laporan di Pondok Polis Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini menuduh Anwar, 60, meliwatnya beberapa kali, termasuk kali terakhir di sebuah kondominium di Damansara pada 26 Jun lalu.

■ Lihat muka 2



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Dr. Wan Azizah Wan Ismail bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan mengenai kes membabitkan Anwar Ibrahim di bangunan Parlimen, semalam.